

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1993

**PINDAAN KEPADA SURAT PENGENALAN DAN AKUAN
BAGI PEGAWAI KERAJAAN UNTUK MENDAPAT RAWATAN PERUBATAN
DI HOSPITAL ATAU KLINIK KERAJAAN
(PERINTAH AM 25 BAB F)**

TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan mengenai pindaan kepada Surat Pengenalan dan Akuan bagi pegawai Kerajaan untuk mendapat rawatan perubatan di hospital atau klinik Kerajaan supaya selaras dengan perubahan bagi kemudahan rawatan perubatan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

LATAR BELAKANG

2.1 Perintah Am 25 Bab F telah menetapkan peraturan bahawa setiap pegawai yang dimasukkan ke hospital atau yang ingin mendapat rawatan di klinik Kerajaan dikehendaki mengemukakan satu surat akuan daripada Ketua Jabatannya yang mengesahkan butir-butir peribadi pegawai iaitu nama, jawatan dan gajinya berserta dengan satu pengakuan daripada pegawai tersebut membenarkan Ketua Jabatan memotong gajinya bagi menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh

pihak hospital. Surat akuan yang sama juga dikehendaki apabila keluarga pegawai memerlukan rawatan di hospital atau klinik Kerajaan.

PERUBAHAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN BARU

3.1 Dengan pelaksanaan SSB dan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991, terdapat dua perubahan terhadap kemudahan rawatan perubatan bagi pegawai Kerajaan, iaitu:

3.1.1 rawatan untuk keluarga pegawai dipanjangkan kepada ibu bapa yang sah (*legal parents*); dan

3.1.2 kelayakan dan kadar bayaran wad dipinda mengikut gred/kategori pegawai.

3.2 Dengan perubahan-perubahan tersebut, adalah didapati Surat Pengenalan dan Akuan seperti yang digunakan sekarang tidak sesuai lagi disebabkan tidak mengandungi maklumat mengenai gred/kategori pegawai di bawah SSB yang diperlukan untuk menentukan kelayakan wad. Juga, penentuan ahli keluarga yang memerlukan rawatan hendaklah ditambah untuk meliputi ibu bapa yang sah.

3.3 Ibu bapa yang sah adalah ibu bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang. Untuk menentukan ibu bapa yang sah kepada pegawai, pegawai hendaklah secara rasmi memberitahu Ketua Jabatannya nama dan nombor kad pengenalan seorang ibu dan seorang bapa yang sah untuk direkodkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai. Sebarang perubahan terhadap maklumat tersebut hendaklah

dimaklumkan secara rasmi semula kepada Ketua Jabatan. Peraturan mengenai penamaan ibu bapa yang sah adalah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1993.

3.4 Di samping mengemaskinikan maklumat di dalam Surat Pengenalan dan Akuan tersebut, beberapa ciri baru telah juga diperkenalkan untuk memperkemas lagi penggunaan surat itu, termasuk maklumat mengenai kelayakan wad dan butir-butir penuh mengenai Ketua Jabatan pegawai yang menandatangani surat itu.

3.5. Surat Pengenalan dan Akuan yang baru ini ditukar nama menjadi Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai.


TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

4.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai seperti di **Lampiran A** dilengkapi oleh setiap pegawai bagi dirinya atau ahli keluarganya yang ingin mendapat rawatan di hospital atau klinik Kerajaan atau yang dimasukkan ke wad hospital. Surat berkenaan hendaklah dilengkapi dalam tiga (3) salinan. Salinan pertama hendaklah disimpan oleh pegawai sendiri untuk dikemukakan kepada hospital atau klinik berkenaan semasa pendaftaran untuk mendapatkan rawatan. Salinan kedua hendaklah diedarkan kepada pejabat/bahagian/unit yang menguruskan gaji pegawai berkenaan untuk memudahkan rujukan dibuat semasa membuat potongan gaji pegawai bagi menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh hospital atau klinik berkenaan. Salinan ketiga hendaklah disimpan untuk rekod di pejabat pegawai itu berkhidmat.

TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh semasa.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM).
Timbangan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

17 September 1993

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan